

## **KURIKULUM KURSUS TAHAP KECEKAPAN 6 (PTK 6) BAGI PEGAWAI SIASATAN GRED KR 54**

### **1. MATLAMAT**

Menilai kebolehan dan meningkatkan tahap kepimpinan serta keupayaan pengurusan pegawai dalam memenuhi misi, visi dan objektif BPR agar meningkatkan keupayaan sebagai agensi utama pembanteras rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan serta sekaligus meningkatkan integriti dalam masyarakat.

### **2. TUJUAN**

- 2.1. Untuk menilai kompetensi pegawai bagi memenuhi salah satu syarat bagi pertimbangan untuk anjakan gaji di Tahap Kecekapan 6.
- 2.2. Untuk memantapkan pegawai sebagai pemimpin dan pengurus yang berkebolehan, berwibawa dan mampu menggerakkan perubahan ke tahap yang tinggi.

### **3. PEGAWAI YANG LAYAK MENGIKUTI KURSUS**

Pegawai Siasatan Gred KR 54 yang menyandang jawatan secara hakiki.

### **4. KOMPETENSI**

- 4.1. Mempunyai keupayaan serta mempamerkan integriti dan akauntabiliti yang tinggi.
- 4.2. Kebolehan memimpin, mencorak dan membawa perubahan kepada organisasi.
- 4.3. Kebolehan membuat keputusan yang baik dan tepat dalam semua keadaan.
- 4.4. Kebolehan menentukan arahnya organisasi.
- 4.5. Kebolehan merancang secara strategik.
- 4.6. Kebolehan mengendalikan pihak media dengan baik.
- 4.7. Kebolehan menjalinkan hubungan dan mengadakan kerjasama strategik dengan pelbagai pihak.
- 4.8. Kebolehan mengawal sumber dengan cekap dan berkesan.
- 4.9. Kepimpinan yang boleh diteladani.
- 4.10. Kebolehan menyesuaikan diri dan berfungsi dengan baik dalam semua situasi samada dalam negeri atau peringkat antarabangsa.
- 4.11. Kebolehan mengetuai perundingan dengan berkesan.

## **5. MODUL KURSUS**

### **5.1. Kemahiran Umum**

- Kepimpinan Transformasi
- Globalisasi dan Cabaran
- Pengurusan dan Perancangan Sumber Manusia
- Pengukuhan Prestasi & Keberkesanan Organisasi
- Pengurusan Krisis
- Hala Tuju Penyiasatan Berlandaskan Perisikan (*Intelligence Based Investigation : The Way Forwards*)
- Kedaulatan Undang-undang dalam Penyiasatan Kes Jenayah Rasuah
- Penurunan Kuasa (*Empowerment*)

### **5.2. Kemahiran Khusus**

Kemahiran khusus akan dinilai menerusi penyediaan kertas tugas individu melalui tugas-tugas hakiki meliputi Siasatan, Perisikan, Pendakwaan & Perundangan, Pemeriksaan & Perundingan, Pendidikan Masyarakat, Penyelidikan & Perancangan serta Pengurusan Sumber Manusia & Kewangan, Latihan dan Keselamatan.

## **6. TEMPOH KURSUS : SEPULUH (10) hari**

## **7. PENDEKATAN KURSUS**

- 7.1. Ceramah
- 7.2. Persembahan Individu
- 7.3. Kertas Tugas Individu
- 7.4. Pengucapan Awam
- 7.5. Tugas Kumpulan
- 7.6. Persembahan Kumpulan (multimedia)
- 7.7. Perbincangan Kumpulan

## **8. PENILAIAN KURSUS**

- 8.1. Penilaian adalah berasaskan kepada ujian dan penilaian semasa kursus merangkumi :
  - kertas tugas individu
  - kemahiran persembahan (*Presentation Skill*)/ komunikasi

- pengucapan awam dan
- penilaian personaliti

8.2. Bagi tujuan penilaian, pegawai diwajibkan untuk menghadiri kuliah yang kandungannya boleh membantu pegawai dalam menghadapi penilaian. Tajuk-tajuk kuliah adalah seperti di perenggan 5(1) di atas.

8.3. Komponen penilaian adalah meliputi komponen dan wajaran seperti berikut :

a) Penilaian	:	<b>100%</b>
• Persembahan Kumpulan	:	20%
• Persembahan Individu	:	20%
• Tugas Kumpulan	:	15%
• Tugas Individu	:	15%
• Pengucapan Awam	:	10%
• Penyertaan Dalam Perbincangan	:	10%
• Personaliti	:	5%
• Rakan Sejawat	:	5%

8.4. Kertas Tugas Individu

Kertas tugas individu hendaklah disediakan secara komprehensif dan berkaitan dengan bidang pengkhususan BPR. Kertas ini mestilah menepati tajuk-tajuk yang telah disediakan oleh penganjur. Pegawai perlu mengesahkan ketulenannya dan hendaklah diserahkan selewat-lewatnya 2 minggu selepas tamat kursus.

8.5. Persembahan Individu

Pegawai akan diminta untuk membuat persembahan kertas persembahan individu di hadapan Panel Penilaian secara individu dalam tempoh 20 – 30 minit.

8.6. Tugas Individu

Kertas tugas kumpulan adalah mengenai tajuk umum yang ditetapkan oleh penganjur. Kertas tugas perlu disediakan secara kumpulan dan diserahkan 2 minggu selepas tamat kursus.

8.7. Persembahan Kumpulan

Persembahan kumpulan adalah hasil perbincangan kumpulan berdasarkan tajuk-tajuk yang disediakan oleh penganjur. Persembahan adalah dalam tempoh 20 – 30 minit.

8.8. Perbincangan Kumpulan

Penilaian akan dibuat semasa sesi perbincangan kumpulan berasaskan tajuk yang disediakan. Sesi perbincangan akan diadakan di hadapan Panel Penilai.

### 8.9. Pengucapan Awam

Pegawai dikehendaki membuat pengucapan awam di hadapan Panel Penilai dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu (masing-masing dalam tempoh 10 minit) berdasarkan tajuk-tajuk yang disediakan oleh pihak penganjur.

### 8.10. Penilaian Personaliti

Penilaian personaliti dilaksanakan bertujuan untuk menilai ciri-ciri penampilan diri, tatakelakuan, potensi kepimpinan, kemahiran berkomunikasi, kematangan idea, penggerak kumpulan dan keyakinan diri.

### 8.11. Rakan Sejawat

Penilaian rakan sejawat dilaksanakan semasa kursus bertujuan untuk menilai penampilan pegawai, semangat kerjasama, kepimpinan dan ketrampilan pegawai daripada pandangan rakan sejawat.

## 9. BAHAN RUJUKAN YANG DICADANGKAN

9.1. Antara bahan-bahan rujukan adalah seperti berikut :

### a) **Kemahiran Umum**

#### **× Kepimpinan Transformasi**

- i) The New Leadership : A Achieving Transformation Through Dynamic Leadership / Paul Taffinder, Kogan Page, 1995.
- ii) TQM : Leadership For The Quality Transformation / Richard S. Johnson : Synergy Books International, 1997.

#### **× Globalisasi dan Cabaran**

- i) Globalisation and The New Realities / Tun Dr. Mahathir Mohamad : Pelanduk Publication, 2000.
- ii) Mengurus Agenda Abad 21 : Cabaran dan Persiapan Dalam Era Globalisasi / Wan Liz Pzman Wan Omar : Golden Book Centre Sdn. Bhd., 2000.
- iii) Globalisasi : Implikasi dan Cabaran / Likman Z. Mohamad : Fakulti Sains Pembangunan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2000.

#### **× Pengurusan dan Perancangan Sumber Manusia**

- i) Planning , Recruiting and Selecting Human Resources / Tan Kwang How : Federal Publications, 1995.

✘ **Enhancing Performance & Organization Effectiveness**

- i) The Improvement Guide : A Practical Approach To Enhancing Organizational Performance / Gerald J Langlay : Jossey-Bass Publications, 1996.
- ii) Enchancing Personal Quality : Empowering Yourself To Attain Peak Performance At Work / Ranjit Singh Malhi : Self-Esteem Seminars, 2000.

✘ **Pengurusan Strategik**

- i) Strategic Management In Action / Mary Coulter-3<sup>rd</sup>.ed: Pearson Prentice Hall, 2005.
- ii) Pengurusan Strategik / Zainal Abidin Mohamad : Utusan Publication & Distributors, 1998.
- iii) Kepimpinan Pengurusan Strategik Untuk Kecemerlangan Organisasi / Mohamed Sulaiman : Penerbit Universiti Sains Malaysia, 1998.

✘ **Empowerment**

- i) Empowerment : The Role Of The Citizens / Ismail Noor: Thinkers Library Sdn. Bhd., 2004.
- ii) What Is The Empowerment? / Latiff Sher Mohamed : SMPD Management Consultants, 1995.
- iii) Performance and Empowerment : Lessons In Leading and Motivating Employees / Ang Seng Chai : Fajar Bakti, 1999.

**b) Kemahiran Khusus**

- Akta Pencegahan Rasuah 1997 dan Undang-undang Berkaitan dengan jenayah rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa.
- Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) 1991- 1999.
- Arahan Perbendaharaan (Pindaan hingga 10 Mac 2005).
- Arahan-arahan Keselamatan (Siri No. 05838).
- Arahan Perkhidmatan (Bab “1” – Bab “8”) (Pindaan hingga 10hb Mac 2005).
- Perintah Tetap Ketua Pengarah.
- Pelan Integriti Nasional

9.2. Nota-nota asas yang berkaitan akan disediakan oleh pihak penganjur.